Hubungan Pak Lah-Dr Mahathir Pulih?

Era Baru - 5/1/2007

ANTARA MENARIK DI DALAM

IDRIS TULIS MENULIS

Muka 4-5

ANWAR BERTANDING PILIHANRAYA 2008?

Muka 16

DR MAHATHIR TERPAKSA PINJAM KERETA PAK KHIR UNTUK BERKAHWIN

Muka 19

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad sedang mendengar sesuatu yang diperkatakan oleh Pak Lah ketika berada di bilik menanti di Majlis Perpisahan SPB Yang DiPertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong yang diadakan di Hotel Mandarin Oriental, Kuala Lumpur pada 9 Disember 2006

Oleh: PENULIS ERA BARU

KUALA LUMPUR - Setelah berlangsung pertemuan pertama empat mata diantara Perdana Menteri , Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi de ngan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad pada hari Ahad bersamaan 22 Oktober 2006 di kediaman Pak Lah di Putrajaya yang gagal mencapai tujuannya, rakyat tertanya-tanya masih adakah jalan penyelesaian bagi menjernihkan se mula hubungan baik diantara kedua dua tokoh itu demi untuk "survival" UMNO dan perpaduan umat Melayu bagi menghadapi pilihanraya umum yang dijangka akan diadakan ti dak lama lagi?

• LIHAT MUKA 2

SELAMAT TAHUN BARU 2007

> Alangkah leganya jika kita dapat melihat Pak Lah dan Dr Mahathir berbaik semula seperti yang dilakukan oleh Dr Mahathir dan Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj yang sebelum itu berselisih faham tetapi bercantum semula setelah kedua-dua tokoh itu menyedari betapa pentingnya mereka bersatu semula demi perpaduan, kestabilan dan kesejahteraan rakyat khususnya bagi orang Melayu.

DARI MUKA 1

HUBUNGAN PAK LAH - DR MAHATHIR PULIH?

Datuk Seri Rafidah Aziz... Ketua Wanita UMNO

Datuk Seri Hishamuddin Tun Hussein.... Ketua Pemuda UMNO

Dr. Mahathir bersalaman dengan Pak Lah sejurus Pak Lah tiba untuk hadir sama di Majlis Perpisahan tersebut

Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd Najib mendengar kata-kata dari bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad di bilik menanti.

Tidak boleh dinafikan bahawa hubungan dingin di antara Pak Lah dengan Dr Mahathir bukan sekadar telah mencetuskan masalah dalaman kepada UMNO, malah turut memberi implikasi yang besar dan dirasai dalam kestabilan ekonomi negara khususnya membabitkan kepentingan usahawan dan peniaga Melayu yang masih banyak bergantung kepada pertolongan dan pembelaan kerajaan dan UMNO.

Isu ketidaksediaan Pak Lah untuk bertemu dan ber bincang sekali lagi dengan bekas ketuanya setelah perte muan pertama itu berakhir dengan jalan buntu, ia ter nyata telah menjadi bahan cakap cakap diantara ahli-ahli dan pemimpin UMNO serta mereka yang mengikuti perkembangan politik semasa dengan menaruh harapan yang amat tinggi dan sesungguhnya berpendapat baha wa amat wajar bagi Presiden UMNO itu mengambil sikap berlembut dan bertolak ansur seperti anak dan ayah.

PERTEMUAN

Seorang penganalisa politik tempatan juga berpen dapat bahawa adalah bukan perlakuan yang janggal malah tidak akan mencemarkan imej politik Pak Lah jika beliau sanggup merendahkan diri dan mengaturkan pertemuan susulan dengan Dr Mahathir secara peribadi bagi mencari jalan penyelesaian dan berdamai untuk ke baikan bangsa dan negara.

Tidak syak lagi seluruh rakyat dan ahli-ahli UMNO akan memuji dan menyanjung tinggi sikap Presiden UMNO itu serta barisan kepimpinannya jika Pak Lah mengambil jalan tengah dengan me ngunjungi Dr Mahathir atau secara peribadi mengundang Dr Mahathir ke kediaman beliau tanpa diheboh-hebohkan.

Tetapi sikap Pak Lah yang didak wa masih dingin terhadap Dr Maha thir sekaligus mengesahkan andaian sebelum ini bahawa "faktor Tun Ma hathir" akan menjadi penentu kepa da kekuatan UMNO untuk berdepan dengan pihak pembangkang teruta manya PAS dan Parti Keadilan da lam pilihanraya umum akan datang.

Negeri-negeri yang sememangnya menjadi tumpuan pembangkang seperti Kelantan, Terengganu, Pahang dan Kedah serta Perlis sekarang ini dilaporkan telah mengeks ploitasikan isu perbalahan Dr Mahathir- Pak Lah dengan

• LIHAT MUKA 6

Datin Seri Rosmah Mansor seolah-olah menerangkan sesuatu kepada Tun Dr Mahathir dan Tun Siti Hasmah Mohd Ali sambil didengar oleh Dato' Seri Najib.

NEW SUNDAY TIMES

PEACE TALKS

IT'S ON

PM TO MEET Dr M TODAY

KUALA LUMPUR: The "peace talks" between Prime Minister Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi and Tun Dr Mahathir Mohamad are expected to be held today.

Sources told the *New Sunday Times* yesterday. There has been swirling speculation about the meeting ever since Abdullah said that he would meet Dr Mahathir before Hari Raya to allow him to air his grievances. But there is a growing feeling that putting the one-on-one

Keratan akhbar 'New Sunday Times' bertarikh 22 Disember 2006

HUBUNGAN PAK LAH-DR MAHATHIR PULIH?



Bapa Kemerdekaan yang juga bekas Presiden UMNO pertama, al-marhum Tunku Abdul Rahman Putra al haj diapit oleh Dato Seri Najib (Ketua Pemuda) sedang memberi kenyataan kepada pihak media selepas Najib dan barisan Exconya berjaya berbincang dari hati ke hati dengan Tunku.

> Tunku sedang ditemuramah oleh wartawan selepas perbincangan beliau dengan Wanita. Kelihatan Tunku diapit oleh Napsiah Omar dan Pengerusi Tetap Wanita, Tan Sri Aishah Ghani.

kelemahan-kelemahan pentadbiran kerajaan dan parti yang dibangkitkan oleh pihak pembangkang melalui internet dan ceramah-ceramah yang diada kan di seluruh negara untuk menghakis sokongan rakyat kepada pemerintah.

Juga sikap tidak bersungguh-sungguh di kalangan pemimpin UMNO dan Pergerakan Pemuda UMNO dan Wanita untuk merintis jalan damai bagi merapat dan memulihkan semula hubungan di antara kedua pemimpin tersohor dan disanjungi itu amat menge cewakan.

Contohnya yang terbaik ialah apabila Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak ketika memegang jawatan sebagai Ketua Pergerakan Pemuda telah mengambil inisiatif dengan meminta izin terlebih dahulu dari Pre siden UMNO, Dr Mahathir Mohamad bagi beliau dan ahli exconya pergi mengadap Al-marhum Tunku Ab dul Rahman Putra Al-Haj untuk mendengar keluhan hati Tunku yang membawa kepada keretakan hubu ngan beliau dengan Dr Mahathir.

Najib berjaya untuk menyelami perasaan dan keke cewaan Tunku ketika itu. Selang beberapa hari, Perge rakan Wanita yang diketuai Naib Ketuanya, Dato' Napsiah Omar bersama para exconya telah juga meng ambil langkah yang sama dengan mengadap dan ber bincang dari hati ke hati dengan Tunku.

KECEWA

Hasil positif dari kedua-dua pertemuan itu telah membolehkan pertemuan empat mata antara Dr. Ma hathir dengan Tunku di kala mana antara lain Tunku memberitahu Dr Mahathir iaitu jika ada perkara pen ting yang hendak disampaikan kepadanya (Tunku), Dr Mahathir tidak payah datang mengadap beliau sebaliknya memadai dengan menelefon sahaja beliau.

Dalam pada itu , ramai yang melahirkan perasaan kecewa dan mendakwa bahawa kalangan barisan MT UMNO yang membuat dasar parti seolah-olah bersi kap lepas tangan, mungkin kerana tidak mahu turut terbabit secara terbuka dalam kemelut Pak Lah de ngan Dr Mahathir. Mereka dilihat lebih menguta makan kepentingan diri dan kedudukan politik ma sing-masing.

Sementara itu, dalam satu majlis menjunjung kasih Perpisahan SPB YDP Agong dan Permaisuri Agong tidak lama dulu dikala mana pertemuan tanpa diatur Pak Lah dengan Dr Mahathir menyaksikan kedua-dua tokoh itu bersalaman dan bertegur sapa . Tetapi difahamkan itu sahaja yang berlaku pada pertemuan itu.

Justeru, kesedian Pak Lah untuk sekali lagi duduk bersemuka dengan Dr Mahatnir tanpa ada orang keti ga tidak akan merugikan mana- mana pihak sebalik nya kemungkinan besar akan membuka ruang baru ke arah perdamaian yang diharap-harapkan di antara kedua-dua pemimpin yang disanjung dan disayangi itu demi untuk kebaikan UMNO dan orang Melayu keseluruhannya.

Marilah kita berdoa supaya saranan dan harapan yang dilahirkan di sini akan menjadi kenyataan dalam masa terdekat. Jika ini tidak boleh dilakukan oleh Pak Lah seorang diri, diharapkan Pemuda yang diketuai oleh Hishamu ddin dan Wanita di bawah pimpinan Rafi dah Aziz dapat memainkan peranan mereka masing-masing seperti yang per nah dilakukan oleh Najib dan Napsiah kepada Dr Mahathir pada tahun 1989.

> Naib Ketua Pergerakan Wanita, Dato' Napsiah Omar yang mengetuai rombongan Exconya seramai 12 orang mengadap Tunku pada bulan November 1989 untuk mencari perpaduan serta memujuk Tunku supaya menyertai UMNO semula. Kelihatan dalam gambar , Napsiah mencium tangan Tunku sebagai penghormatan dan kasih sayang kepada bekas Presiden UMNO itu yang juga Bapa Kemerdekaan.

“... kesedian Pak Lah untuk sekali lagi duduk bersemuka dengan Dr Mahatnir tanpa ada orang ketiga tidak akan merugikan mana- mana pihak sebalik nya kemungkinan besar akan membuka ruang baru ke arah perdamaian yang diharap-harapkan di antara kedua-dua pemimpin yang disanjung dan disayangi itu demi untuk kebaikan UMNO dan orang Melayu keseluruhannya”

> Najib bersama Exco Pemuda UMNO bergambar kenangan dengan Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj. Juga kelihatan Idris Tulis (memakai kot hitam) yang bertanggungjawab mengaturkan pertemuan Pemuda dan Wanita dengan Tunku.